

30/10/1998

Sembilan peserta pendengar bacaan al-Quran

MELAKA, Khamis - Sembilan peserta, lima qariah dan empat qari memperdengarkan bacaan pada malam ketiga Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-41 di Stadium Kubu di sini malam ini.

Lima qariah yang memperdengarkan bacaan ialah Hajah Sepiah Mohamad dari Terengganu, Pasiyah Hashim (Selangor), Hajah Alimah Kamil (Johor), Hajah Fatimah Ali (Pahang) dan Hajah Maimun Harun (Negeri Sembilan).

Qari pula ialah Ismail Mat Isa dari Pahang, Haji Mohammad Ismail (Terengganu), Haji Radzi Kamarul Hailan (Perak) dan Haji Pisol Yusop (Perlis).

Esok, lapan peserta akan memperdengarkan bacaan. Setakat ini 20 peserta telah memperdengarkan bacaan.

Majlis tilawah yang bertema "Kesejahteraan Negara, Tanggungjawab Kita" dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lepas.

Terdahulu, peserta dibawa melawat sekitar bandar ini untuk melihat lebih dekat beberapa kawasan pelancongan.

Mereka juga melawat kompleks sejarah di Bandar Hilir Muzium Samudera dan Taman Mini Malaysia/Asean di Ayer Keroh.

(END)